



Sungai Dong di Raub lepasi paras bahaya

Oleh [Asrol Awang](#) - Disember 7, 2022 @ 8:36am
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan

KUANTAN: Sungai Dong di Kampung Peruas, Raub melepassi paras bahaya setakat jam 8 pagi, hari ini.

Maklumat daripada laman sesawang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan, paras Sungai Dong mencatat bacaan 135.53 meter (m) berbanding 135m yang ditetapkan.

Manakala, dua sungai iaitu di Sungai Lipis di Batu Malim, Raub dan Sungai Lipis di Jambatan Padang Gudang, Bera pula melepassi paras waspada.

Sungai Lipis merekodkan 114.10m berbanding 114m, manakala Sungai Lipis pula merekodkan bacaan 30.23m berbanding 29.70m.

Info Bencana Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) pula memaklumkan setakat ini tiada pusat pemindahan sementara (PPS) di Pahang dibuka.


Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menasihatkan orang awam untuk sentiasa merujuk laman web www.met.gov.my dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi myCuaca bagi mendapatkan maklumat terkini dan sahih.



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR



Amaran Ribut Petir



Masa dikeluarkan:
7:30 pagi; 7 Disember 2022

Ribut Petir / Hujan Lebat

sehingga 10:00 pagi, 7 Disember 2022

Perak (Manjung, Bagan Datuk dan Hilir Perak) · Selangor (Sabak Bernam) · Negeri Sembilan (Port Dickson) · Melaka

Laporan MetMalaysia yang dikeluarkan pada jam 7.30 pagi ini.